

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI IPT BERSAMA MASYARAKAT GALAKKAN PELAJAR IPT BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT

7.3.2015 Sabtu : Program Khidmat Komuniti IPT Bersama Masyarakat ini merupakan program *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* untuk menggerakkan sumber intelektual dan sumber fizikal di IPT untuk membantu masyarakat. Antara objektif program ini termasuk menggalakkan penyertaan pelajar IPT dalam aktiviti berbentuk kesukarelawan, membuka peluang kepada pelajar IPT untuk berkhidmat kepada masyarakat yang memerlukan bantuan, dan merealisasikan semangat keprihatinan pelajar IPT untuk berkhidmat kepada masyarakat yang memerlukan bantuan.

Program selama 2 hari yang bermula pada 7 Mac 2015 ini bertempat di Kampung Sungai Rambai, Relau, Bandar Baharu, Kedah Darul Aman. Program ini telah dianjurkan oleh iM4U Outreach Centre, Politeknik Seberang Perai (PSP) dan JKKKP Sungai Rambai. Secara keseluruhannya, peserta yang terlibat adalah seramai 280 orang; terdiri daripada pelajar PSP sendiri iaitu seramai 80 orang anggota Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) PSP dan 200 orang daripada komuniti setempat.

Antara pengisian program termasuk Majlis Penyerahan Anak Angkat, Solat Berjemaah dan Ceramah Agama, Jamuan Makan Malam, dan Projek Khidmat Komuniti. Sebanyak 4 kumpulan telah dibahagikan untuk melakukan aktiviti seperti pembersihan kolam, surau, kawasan kaki bukit dan kawasan laluan ke kaki bukit. Ucapan Aluan telah disampaikan oleh Yang Berusaha Encik Mat Yusof Bin Ahmad yang merupakan Pengerusi JKKK Sungai Rambai. Ucapan Perasmian Penutup pula disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Zulkifli Bin Ariffin yang merupakan Pengarah PSP. Turut hadir ialah Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) PSP iaitu Encik Abdul Mutalib Bin Abdul Majid, dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) iaitu Encik Shuhaimi Samanol.

Para peserta dan komuniti amat berpuas hati dengan kelancaran program dan berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang.

GALERI AKTIVITI



Antara tetamu kehormat yang hadir



Pengarah PSP, Tuan Haji Zulkifli Bin Ariffin menyampaikan ucapan perasmian



Para sukarelawan bergotong-royong membersihkan kawasan kaki bukit



Sukarelawan turut membantu penduduk setempat menyediakan juadah untuk jamuan makan malam



Ceramah agama turut diselitkan sebagai pengisian nurani



Pengarah PSP menyampaikan cenderahati kepada penduduk kampung